


PERPADUAN KAUM DALAM KALANGAN PELAJAR DI UTM



OBJEKTIF KAJIAN

- Dapat memupuk keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan pelajar UTM.
- Mengelakkan daripada berlakunya sebarang permusuhan antara pelajar berbilang bangsa.
- Dapat membina hubungan yang akrab antara pelajar yang berlainan kaum.
- Dapat mempelajari dan mengenali adat dan budaya tradisional kaum yang lain.



Perpaduan merupakan satu aspek yang sangat penting dalam kalangan masyarakat kerana ia yang akan membentuk sesebuah masyarakat itu sama ada harmoni atau sebaliknya.

Perpaduan merupakan proses menyatupadukan seluruh masyarakat untuk membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan banggakan negara.

Pengenalan

Tanpa unsur perpaduan yang utuh, keharmonian bermasyarakat dalam pelbagai bidang kehidupan tidak dapat dinikmati.

Perpaduan dalam kalangan pelbagai etnik di negara kita haruslah dikekalkan untuk menjamin keselamatan negara agar kemerdekaan yang kita kecapi sekarang ini berkekalan.




TENTATIF KAJIAN

- **AKTIVITI** : MENEMU RAMAH PELAJAR UTM BERKAITAN DENGAN PERPADUAN KAUM DALAM KALANGAN PELAJAR DI UTM.
- **TARIKH** : 30 Oktober 2018, Selasa



LOKASI KAJIAN

LOKASI : PASAR MALAM, UTM



PANDANGAN PELAJAR UTM TENTANG PERPADUAN

POSITIF	NEGATIF
Tiada pergaduhan antara kaum	Mempunyai sikap memilih kawan yang sama bangsa
Tiada masalah dalam memilih ahli kumpulan untuk menyiapkan tugas	Tidak bergaul dengan bangsa lain
Senang menyesuaikan diri dengan kaum lain	Tidak bertegur sapa dengan berlainan kaum



CARA MENGATASI ISU PERKAUMAN

Perbanyakkan aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum

Memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai kebaikan perpaduan

Mengadakan kempen yang bertujuan untuk mengeratkan perpaduan antara kaum

Melibatkan pelbagai kaum dalam sesebuah organisasi seperti kelab persatuan atau sukan dan permainan

Menerangkan tentang sejarah perpaduan kaum di Malaysia



FAKTOR PERPADUAN / PERKAUMAN

Faktor yang mendorong kepada perpaduan antara kaum

- Ahli kumpulan dalam menyiapkan suatu tugas terdiri daripada berbilang kaum
- Bahasa melayu sebagai Bahasa pengantaraan antara pelajar berbilang bangsa

Faktor yang menyebabkan berlakunya masalah perkauman

- Pelajar pelajar yang lebih gemar bergaul dan meluangkan masa bersama rakan yang sama bangsa dengannya
- Sesetengah kaum yang menganggap kaum mereka lebih baik berbanding daripada kaum yang lain
- Tidak melibatkan diri dalam aktiviti yang mendorong kepada perpaduan antara kaum



RUMUSAN

- Setiap kaum perlulah memupuk semangat perpaduan antara kaum di dalam diri sendiri.
- Setiap lapisan masyarakat terutama pelajar UTM digalakkan untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang melibatkan berbilang bangsa.
- Kita mestilah mengelakkan diri daripada bersikap individualistik untuk mengelakkan daripada berlakunya masalah perkauman.
- Setiap individu perlu melatih diri untuk menyesuaikan diri dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum.

